



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld. XIV (8)
9 April 1998

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 8/1998:
Garis Panduan dan Syarat-Syarat Penggambaran Di Kawasan Sekolah, Maktab Perguruan dan Politeknik Oleh Pihak Luar

Selari dengan perkembangan industri perfileman negara, Kementerian Pendidikan sering menerima permohonan daripada syarikat-syarikat perfileman untuk membuat penggambaran di kawasan sekolah, maktab perguruan dan politeknik. Penggambaran yang dilakukan biasanya berhubung dengan adegan-adegan berlatarbelakangkan persekolahan pelajar, kerjaya guru dan pentadbiran sekolah.

2. Bagi mengelakkan syarikat-syarikat perfileman mengeksploitasi keadaan sekolah, maktab perguruan dan politeknik, yang boleh menjejaskan imej pendidikan, maka pengawalan perlu dilakukan. Pengawalan dan syarat-syarat yang boleh dikenakan kepada syarikat-syarikat perfileman yang ingin membuat penggambaran di kawasan sekolah, maktab perguruan dan politeknik adalah seperti berikut:

- 2.1 Pelakon-pelakon dan krew penggambaran hendaklah berpakaian kemas dan tidak menjotok mata, bersopan santun dan tidak merokok. Bagi lelaki yang berambut panjang mereka hendaklah menguruskannya dengan kemas semasa berada di kawasan sekolah, maktab perguruan dan politeknik.
- 2.2 Pelakon-pelakon dan krew penggambaran tidak boleh mempamerkan unsur-unsur tidak sihat yang akan mempengaruhi pelajar seperti berkelakuan sumbang antara krew/artis lelaki dan wanita, atau meminum minuman keras semasa berada di kawasan sekolah, maktab perguruan dan politeknik.
- 2.3 Penggambaran tidak menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, maktab perguruan dan politeknik. Di musim peperiksaan, penggambaran tidak boleh dibenarkan.
- 2.4 Filem berkenaan tidak mempunyai unsur-unsur negatif yang boleh menjejaskan imej pendidikan dan institusi pendidikan.
- 2.5 Sekiranya penggambaran melibatkan murid, pihak sekolah hendaklah memaklumkan dan mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga mereka,

- 2.6. Sekiranya penggambaran melibatkan pensyarah, guru atau kakitangan sekolah, maktab perguruan dan politeknik, mereka hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada ketua jabatan masing-masing.
 - 2.7. Nama individu, sekolah, maktab perguruan dan politeknik yang terlibat dalam penggambaran, sama ada besar ataupun kecil peranannya, hendaklah dimasukkan dalam "**ending credit**".
 - 2.8. Syarikat perfileman hendaklah menanggung kos penggunaan kemudahan elektrik dan air yang terdapat di sekolah, maktab perguruan atau politeknik.
 - 2.9. Kebersihan kawasan sekolah, maktab perguruan dan politeknik hendaklah sentiasa diberi perhatian.
 - 2.10 Keselamatan semua pihak di sekolah, maktab perguruan dan politeknik hendaklah sentiasa diberi keutamaan.
 - 2.11 Harta benda sekolah, maktab perguruan dan politeknik hendaklah sentiasa dijaga. Syarikat bertanggungjawab menggantikan segala perkakas dan peralatan yang rosak atau hilang semasa penggambaran.
 - 2.12 Pelakon-pelakon dan krew penggambaran hanya dibenarkan berada atau berkerja diruang-ruang yang telah dipersetujui sahaja,
 - 2.13 Syarikat perfileman digalakkan menganjurkan sesi berbentuk akademik berkaitan perfileman seperti ceramah, demonstrasi dan dialog dengan pihak sekolah, maktab perguruan atau politeknik bagi menambahkan pengetahuan pensyarah, guru atau pelajar berkaitan dengan bidang perfileman.
 - 2.14 Syarikat perfileman hendaklah menyertakan synopsis/skrip filem bersama-sama permohonan untuk membuat penggambaran.
 - 2.15 Syarikat dikehendaki mengisi dan menandatangani surat perjanjian seperti di lampiran.
 - 2.16 Permohonan hendaklah dibuat selewat-lewatnya satu bulan sebelum tarikh penggambaran dan dikemukakan kepada Pengarah Bahagian atau Pengarah Pendidikan Negeri yang berkenaan untuk mendapat kelulusan.
3. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah, maktab perguruan dan politeknik di negeri Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATUK MATNOR DAIM
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dato' Haji Mohd. Khalid Yunus
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
 7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
 8. Ketua Nazir Sekolah
 9. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pendidikan
 10. Pegawai Perhubungan Awam

SURAT PERJANJIAN
Penggambaran Filem Di Kawasan Sekolah, Maktab Perguruan dan Politeknik

Saya _____

No. Kad Pengenalan _____ dari Syarikat _____

beralamat di _____
dikenali sebagai pemohon dan bertanda tangan seperti di bawah yang membuat

penggambaran filem berjudul _____
dengan ini bersetuju mematuhi syarat-syarat penggambaran filem sebagaimana yang telah

ditetapkan oleh * Pengarah Pendidikan Negeri _____ /
Pengarah Bahagian Pendidikan Guru I Pengarah Bahagian Pengurusan Teknik Dan
Vokasional / Pengarah Bahagian Pengurusan Politeknik.

Tandatangan Pemohon : _____

Nama : _____

Cop Syarikat : _____

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*